

# OUCH!

## DALAM ISU INI...

- Pengenalan
- Lima Langkah Mudah
- Melindungi Kanak-kanak Ketika Melawat Orang Lain

## Membantu Pihak Ketiga Melindungi Diri Mereka

### Pengenalan

Ramai di antara kita yang selesa dengan teknologi, termasuklah cara menggunakannya dengan selamat. Bagaimanapun ada di antara rakan dan keluarga yang tidak begitu selesa dengannya. Malah mereka mungkin keliru, tergugat ataupun takut dengannya. Ini menjadikan mereka sangat terdedah kepada penyerang siber masa kini. Keselamatan siber tidak perlu ditakuti, malah ia sebenarnya sesuatu yang mudah setelah anda faham asasnyanya. Mereka berkemungkinan memerlukan seorang seperti anda untuk membantu mereka memahami perkara asas.

### Editor Jemputan

Randy Marchany (Twitter: [@randymarchany](https://twitter.com/randymarchany)) merupakan seorang CISO di Virginia Tech dan pengajar bertauliah SANS Institute.

### Lima Langkah Mudah

Berikut adalah lima langkah mudah untuk membantu mereka mengatasi perasaan takut dan menggunakan teknologi hari ini sebaiknya dengan selamat. Maklumat lanjut untuk langkah-langkah ini terdapat pada bahagian rujukan di akhir surat berita ini.

1. **Kejuruteraan Sosial:** Kejuruteraan sosial merupakan teknik yang biasa digunakan oleh penyerang siber untuk menipu atau memperdayakan orang untuk melakukan sesuatu yang tidak patut mereka lakukan, seperti berkongsi kata laluan, menjangkiti komputer mereka atau berkongsi maklumat sensitif. Ini bukanlah sesuatu yang baru, kerana mereka yang kerjanya menipu telah wujud selama beribu tahun. Bezanya mereka kini menggunakan konsep yang sama di internet. Anda boleh membantu dengan menerangkan petunjuk sesuatu serangan kejuruteraan sosial, contohnya apabila seseorang mewujudkan perasaan mendesak, apabila terdapat sesuatu yang terlalu bagus untuk dipercayai atau apabila seseorang berpura-pura menjadi orang yang anda kenali tetapi mesej mereka tidak seperti dari rakan anda. Kongsi contoh serangan kejuruteraan sosial seperti emel 'phishing' atau muslihat panggilan telefon dari khidmat sokongan Microsoft. Paling tidak, pastikan keluarga anda memahami mereka tidak seharusnya memberikan kata laluan kepada sesiapa untuk membenarkan capaian jauh kepada komputer mereka.
2. **Kata Laluan:** Kata laluan yang kukuh merupakan kunci untuk melindungi kedua-dua peranti dan akaun dalam talian. Ajar ahli keluarga bagaimana untuk mencipta kata laluan yang kukuh. Kami menyarankan ungkapan laluan, kerana ia mudah untuk ditaip dan diingati. Ungkapan laluan adalah kata laluan yang terdiri daripada beberapa perkataan. Selain itu, bantu mereka untuk memasang pengurus kata laluan. Penggunaan kata laluan berbeza untuk setiap peranti dan akaun anda adalah penting. Jika pengurus kata laluan terlalu sukar, ajar mereka untuk menulis kata laluan dan simpan di tempat

## Membantu Pihak Ketiga Melindungi Diri Mereka

yang selamat. Akhir sekali, bantu mereka menggunakan pengesahan dua langkah untuk akaun-akaun penting. Pengesahan dua langkah adalah langkah paling berkesan untuk menjamin keselamatan apa-apa akaun.

3. **Tampalan:** Memastikan semua sistem berada dalam keadaan semasa dan terkini adalah langkah yang boleh diambil untuk memastikan peranti mereka selamat. Ini bukan sahaja benar untuk komputer dan peranti mudah alih, tetapi apa sahaja yang berhubung dengan Internet seperti konsol permainan, termometer atau mungkin juga lampu dan pembesar suara. Cara paling mudah untuk memastikan kesemua peranti adalah terkini adalah dengan membolehkan kemas kini secara automatik.
4. **Anti-Virus:** Manusia melakukan kesilapan, dan kita adakalanya mengklik atau memasang benda yang tidak seharusnya lalu berkemungkinan menjangkiti sistem kita. Anti-virus dicipta untuk melindungi kita dari kesilapan sebegini. Walaupun anti-virus tidak berupaya menghentikan kesemua perisian hasad, ia membantu untuk menjejak dan menghentikan serangan yang lebih lazim. Oleh itu, pastikan semua komputer rumah dipasang dengan anti-virus, dan berada dalam keadaan terkini dan aktif. Sebagai tambahan, kebanyakan penyelesaian anti-virus memuatkan teknologi keselamatan yang lain seperti firewall dan perlindungan pelayar.
5. **Sandaran:** Apabila semuanya gagal, sandaran lazimnya merupakan kaedah terakhir untuk anda memulihkan kesilapan seperti terpadam fail yang salah atau serangan siber seperti perisian tebusan. Kebiasaannya penyelesaian paling mudah adalah dengan menggunakan sandaran berasaskan awan yang akan membuat sandaran setiap jam atau setiap kali selepas anda membuat perubahan kepada fail tersebut. Penyelesaian ini bukan sahaja memudahkan anda untuk membuat sandaran kepada data, tetapi juga untuk memulihkannya.



*Bantu mereka yang lain menggunakan teknologi dengan selamat dengan berkongsi lima langkah mudah ini.*

## Melindungi Kanak-kanak Ketika Melawat Orang Lain

Jika anda berasa selesa dengan teknologi, anda mungkin telah melindungi diri dan anak-anak anda. Walaubagaimanapun, apabila anak-anak anda melawat saudara-mara yang tidak begitu pandai dengan teknologi, seperti datuk dan nenek, rakan-rakan atau saudara-mara, mereka mungkin tidak tahu cara terbaik untuk melindungi kanak-kanak ketika dalam talian atau seperti yang anda mahukan. Berikut adalah langkah-langkah yang boleh diambil untuk melindungi kanak-kanak ketika mereka berkunjung ke rumah orang, terutamanya ahli keluarga.

- **Peraturan.** Pastikan pihak ketiga tahu jika anda mempunyai sebarang peraturan atau jangkaan terhadap anak-anak semasa mereka di atas talian. Sebagai contoh, jangkamasa untuk anak-anak anda berada dalam talian, dengan siapa yang boleh mereka berkomunikasi atau permainan apa yang boleh mereka main? Percayalah, jangan

## Membantu Pihak Ketiga Melindungi Diri Mereka

harapkan anak anda untuk menerangkan peraturan ini kepada ahli keluarga lain. Salah satu idea adalah dengan mencipta satu 'lembaran peraturan' untuk dikongsikan bersama saudara-mara yang sering anak anda lawati.

- **Kawalan:** Jika seorang kanak-kanak memahami teknologi lebih dari penjaga mereka, mereka mungkin akan mengambil kesempatan. Sebagai contoh, kanak-kanak mungkin akan meminta atau mendapatkan hak pentadbiran kepada komputer datuk atau nenek mereka dan melakukan apa yang mereka mahukan seperti memasang permainan yang anda tidak benarkan. Pastikan saudara-mara faham mereka tidak seharusnya memberikan capaian lebih dari apa yang diperlukan.

Akhir sekali, cadangkan supaya mereka melanggan sumber informasi seperti surat berita OUCH! supaya mereka boleh terus belajar dengan sendiri. Surat berita ini disiarkan setiap bulan secara percuma dalam lebih dari 20 bahasa. Daftar di <https://securingthehuman.sans.org/ouch>.

### Mari Belajar Lebih Lanjut!

Langganilah surat berita bulanan berkenaan Kesedaran Keselamatan Untuk Pengguna Komputer OUCH!, akseslah arkib OUCH!, dan belajar lebih lanjut mengenai penyelesaian kesedaran keselamatan SANS dengan melayari laman sesawang kami di [securingthehuman.sans.org/ouch/archives](https://securingthehuman.sans.org/ouch/archives).

### Penterjemahan oleh SNSC.

Pusat Keselamatan Rangkaian SKMM (SKMM Network Security Centre- SNSC) beroperasi di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan matlamat menjamin keselamatan maklumat, kebolehpercayaan dan keutuhan rangkaian di Malaysia. Laman Web: <http://snc.skmm.gov.my/>.

### Sumber

Klik Dengan Bijak:	<a href="http://www.klikdenganbijak.my/Landing-Page.aspx">http://www.klikdenganbijak.my/Landing-Page.aspx</a>
Social Engineering:	<a href="https://securingthehuman.sans.org/ouch/2017#january2017">https://securingthehuman.sans.org/ouch/2017#january2017</a>
Passphrases:	<a href="https://securingthehuman.sans.org/ouch/2017#april2017">https://securingthehuman.sans.org/ouch/2017#april2017</a>
Password Manager:	<a href="https://securingthehuman.sans.org/ouch/2017#september2017">https://securingthehuman.sans.org/ouch/2017#september2017</a>
Two-Step Verification:	<a href="https://securingthehuman.sans.org/ouch/2015#september2015">https://securingthehuman.sans.org/ouch/2015#september2015</a>
Backup and Recovery:	<a href="https://securingthehuman.sans.org/ouch/2017#august2017">https://securingthehuman.sans.org/ouch/2017#august2017</a>
Securing Today's Online Kids:	<a href="https://securingthehuman.sans.org/ouch/2017#may2017">https://securingthehuman.sans.org/ouch/2017#may2017</a>

OUCH! diterbitkan oleh program SANS "Securing The Human" dan diedarkan di bawah lesen [Creative Commons BY-NC-ND 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/). Kebenaran diberikan untuk mengedarkan surat berita ini atau menggunakannya dalam mana mana program kesedaran selagi tiada perubahan dibuat kepada kandungan asal.

Editor: Bill Wyman, Walt Scrivens, Phil Hoffman, Cathy Click, Cheryl Conley  
Translated by: Muhamad Hashimi, Rahayu Aziz, and Sheikh Ahmad Raffie



[securingthehuman.sans.org/blog](https://securingthehuman.sans.org/blog)



[/securethehuman](https://securethehuman)



[@securethehuman](https://twitter.com/securethehuman)



[securingthehuman.sans.org/gplus](https://securingthehuman.sans.org/gplus)